

**Muhyiddin Lancar Tabung Bencana Banjir Media Prima
Bernama
28 Disember, 2012**

PETALING JAYA, 28 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Jumaat melancarkan Tabung Bencana Banjir Media Prima Berhad bertujuan membantu mangsa banjir di negeri-negeri Pantai Timur.

Inisiatif yang dilancarkan di Sri Pentas di sini itu menyaksikan Muhyiddin menerima sumbangan berjumlah RM225,000 daripada beberapa syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO).

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan penganjur mengenai tabung itu, Muhyiddin menggesa orang awam dan sektor korporat untuk menghulur bantuan bagi meringankan beban mangsa banjir, terutama yang berada di kawasan terjejas teruk di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Banjir yang melanda Pantai Timur ini mengakibatkan ribuan mangsa yang terjejas dipindahkan ke pusat pemindahan banjir. Kehidupan seharian mereka terjejas teruk, dan keperluan asas amat diperlukan ketika ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi, Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Ahmad Izham Omar berkata selain mengaktifkan tabung bencana berkenaan, petugas Media Prima melalui Briged Sukarelawan NSTP-Media Prima juga kini berada di kawasan terjejas untuk mengagihkan barangan keperluan kepada mangsa banjir.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=918241>